



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato’/YBrs. Dr./Tuan/Puan

2. Sukacita disertakan laporan pemantauan akhbar dan berita berkaitan dengan kementerian ini bertarikh 13-15 Mei 2023 (Sabtu-Isnin) untuk makluman dan perhatian sewajarnya.

Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

BIL	PERKARA	SUMBER
1	<p>Ketua Keluarga Dicadang Buat Potongan Gaji, Bayar Emolumen Kepada Suri Rumah</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/ketua-keluarga-dicadang-buat-potongan-gaji-bayar-emolumen-kepada-suri-rumah-419507</p> <p>https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/05/14/nancy-shukri-proposes-heads-of-families-make-salary-deduction-pay-emoluments-to-housewives/69200</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2023/05/14/nancy-calls-for-salary-deductions-to-pay-homemakers/</p> <p>https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2188917</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/258465/berita/politik/dua-pendekatan-noktahkan-kemiskinan-tegar---nancy</p>	<p>Astro Awani</p> <p>Malay Mail</p> <p>FMT</p> <p>Bernamea</p> <p>Sinar Harian</p>

	<p>https://tvstv.my/2023/05/14/dua-pendekatan-noktahkan-miskin-tegar-nancy/</p> <p>https://www.nst.com.my/news/politics/2023/05/909243/five-resolutions-pledged-national-womens-convention</p> <p>https://www.hotfm.audio/ketua-keluarga-dicadang-buat-potongan-gaji-bayar-emolumen-kepada-suri-rumah/</p> <p>https://sarawakvoice.com/suami-dicadang-potong-gaji-bayar-emolumen-untuk-isteri-suri-rumah/</p> <p>https://newsway.com/article/dua-pendekatan-noktahkan-kemiskinan-tegar-nancy-A2305_NrYoLO</p>	<p>TVSTV</p> <p>NST</p> <p>Hot FM</p> <p>Sarawak Voice</p> <p>Newsway</p>
2	<p>Ibu, Engkaulah Suri Hatiku – Nancy</p> <p>https://suarasarawak.my/ibu-engkaulah-suri-hatiku-nancy/</p>	<p>Suara Sarawak</p>
3	<p>Persidangan PERKKS Pada 21-22 November Sempena Sambutan HKA 2023</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/persidangan-perkks-pada-2122-november-sempena-sambutan-hka-2023-419361</p>	<p>Astro Awani</p>
4	<p>Pengasuh Ada Kes Mahkamah Kerana Mendera Sekali Lagi Disyaki Mendera Bayi</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/966419/pengasuh-ada-kes-mahkamah-kerana-mendera-sekali-lagi-disyaki-mendera-bayi</p> <p>https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2188668</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/05/1100690/polis-tahan-pengasuh-disyaki-dera-bayi-lelaki</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/258309/berita/semasa/pengasuh-ditahan-disyaki-dera-bayi</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/05/13/kes-belum-selesai-di-mahkamah-wanita-ditahan-disyaki-dera-bayi-pula/</p>	<p>Harian Metro</p> <p>Bernamea</p> <p>Berita Harian</p> <p>Sinar Harian</p> <p>FMT</p>

	<p>https://www.kosmo.com.my/2023/05/13/bayi-7-bulan-lebam-didera-pengasuh/</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/pengasuh-masih-dalam-perbicaraan-mahkamah-ditahan-pula-kes-dera-bayi/</p> <p>https://www.malaysiakini.com/my/tag/kes%20dera%20bayi</p> <p>https://www.edisi9.com.my/2023/05/pengasuh-ditahan-polis-disyaki-dera-bayi-7-bulan/</p> <p>https://selangorkini.my/2023/05/polis-tahan-pengasuh-disyaki-dera-bayi-lelaki-usia-7-bulan/</p> <p>https://mediavariasi.com/2023/05/polis-tahan-pengasuh-disyaki-dera-bayi-lelaki/</p> <p>https://alhijrahnews.com/polis-tahan-pengasuh-disyaki-dera-bayi-lelaki-tujuh-bulan/?utm_source=rss&utm_medium=rss&utm_campaign=polis-tahan-pengasuh-disyaki-dera-bayi-lelaki-tujuh-bulan</p>	<p>Kosmo</p> <p>Buletin TV3</p> <p>Malaysia Kini</p> <p>Edisi 9</p> <p>Selangor Kini</p> <p>Media Variasi</p> <p>Alhijrah</p>
5	<p>Kebakaran Rumah, Bayi Empat Bulan Melecur Di Kepala, Kaki</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/2023/05/kebakaran-rumah-bayi-empat-bulan-melecur-di-kepala-kaki/</p> <p>https://wartaoriental.com/2023/05/12/kebakaran-rumah-bayi-empat-bulan-melecur-di-kepala-kaki/</p>	<p>Utusan</p> <p>Warta Oriental</p>
6	<p>Adik Beradik Disyaki Dera, Amang Seksual Pelajar Tahfiz Ditahan</p> <p>https://www.malaysiakini.com/news/664948</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pengasas-pusat-tahfiz-dan-adik-ditahan-dipercayai-dera-dan-lakukan-amang-seksual-419279</p> <p>https://www.thesundaily.my/cerita/berita/polis-tahan-dua-disyaki-dera-lakukan-amang-seksual-fizikal-terhadap-pelajar-tahfiz-HO10968249</p>	<p>Malaysia Kini</p> <p>Astro Awani</p> <p>The Sun Daily</p>

	<p>https://www.sinarharian.com.my/article/258222/berita/semasa/enam-pelajar-tahfiz-buat-laporan-polis-dakwa-didera-diliwat</p> <p>https://mykmu.net/2023/05/12/pengetua-dan-warden-dera-pelajar-tahfiz-secara-seksual-enam-mangsa-buat-laporan-polis/</p> <p>https://www.buletintv3.my/jenayah/dua-beradik-ditahan-disyaki-dera-amang-seksual-pelajar-tahfiz/</p> <p>https://suaramerdeka.com.my/enam-pelajar-tahfiz-dipaksa-lakukan-amang-seksual-didera/</p> <p>https://wartaoriental.com/2023/05/13/tiga-pelajar-tahfiz-dipaksa-hisap-kemaluan-mudir/</p> <p>https://malaysiapost.com.my/2023/05/13/pengasas-dan-penjaga-pusat-tahfiz-ditahan-disyaki-noda-dera-pelajar/</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/05/12/enam-pelajar-tahfiz-lapor-polis-didera-seksual-fizikal/</p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Mykmu</p> <p>Buletin TV3</p> <p>Suara Merdeka</p> <p>Warta Oriental</p> <p>Malaysia Post</p> <p>Kosmo</p>
7	<p>Wanita Suspek Amang Seksual Didakwa Esok</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/05/14/wanita-suspek-amang-seksual-didakwa-esok/</p>	FMT
8	<p>Ibu Tunggal Diberhentikan Kerja, Berhutang Demi Besarkan Anak</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/2023/05/ibu-tunggal-diberhentikan-kerja-berhutang-demi-besarkan-anak/</p>	Utusan
9	<p>Ibu Cekal Jaga Dua Anak Istimewa Berusia 43 Dan 32 Tahun</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/05/14/ibu-cekal-jaga-dua-anak-istimewa-berusia-43-dan-32-tahun/?utm_source=rss&utm_medium=rss&utm_campaign=ibu-cekal-jaga-dua-anak-istimewa-berusia-43-dan-32-tahun</p>	Kosmo
10	<p>Diuji Sakit Sendi, Bekas Pengurus Besar Kini Terlantar</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/258164/edisi/melakans/diuji-sakit-sendi-bekas-pengurus-besar-kini-terlantar</p>	Sinar Harian

11	<p>Warga Emas Dilapor Hilang Ditemui Selamat</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/258403/edisi/pahang/warga-emas-dilapor-hilang-ditemui-selamat</p>	Sinar Harian
12	<p>'Semua Kena Buat Sendiri'</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/966225/semua-kena-buat-sendiri</p>	Harian Metro

KETUA KELUARGA DICADANG BUAT POTONGAN GAJI, BAYAR EMOLUMEN KEPADA SURI RUMAH

<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/ketua-keluarga-dicadang-buat-potongan-gaji-bayar-emolumen-kepada-suri-rumah-419507>

Sumber : Astro Awani

KUALA LUMPUR: Naib Ketua Wanita Parti Pesaka Bersatu Sarawak (PBB) Datuk Seri Nancy Shukri mencadangkan ketua keluarga untuk membuat potongan gaji untuk membayar emolumen kepada ahli keluarga yang mengurus rumahtangga, khususnya wanita.

Beliau yang juga Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berkata cadangan ini adalah cara mengiktiraf pekerjaan tidak berbayar sebagai pekerjaan, antara lain bertujuan memperkasa ekonomi wanita.

"Ramai yang bekerja di rumah itu tidak dibayar, mereka menjaga keluarga tapi ada juga suami yang menjadi pengurus di rumah dan juga ibu bapa mengurus di rumah, (mereka) tak ada gaji. Kalau dapat kita iktirafkan pekerjaan tidak berbayar (ini) dan mintalah anak atau suami, kita minta izin supaya mereka boleh potong gaji," katanya.

Selain itu, beliau berkata peluang pekerjaan yang bersesuaian dengan gaji bertepatan untuk golongan wanita perlu diwujudkan termasuk pelaksanaan dasar 30 peratus penglibatan wanita sebagai pembuat keputusan.

"Marilah kita bersama-sama menjadikan dasar 30 peratus wanita ini dijadikan satu kenyataan, pastikan ia terlaksana.

Jangan cakap sahaja, 30 peratus wanita dalam pembuat keputusan... memang ia dasar yang lama tetapi keberkesannya perlu kita pertingkatkan," katanya.

Beliau turut mengingatkan pemimpin dan parti-parti yang mendukung Kerajaan Perpaduan untuk menjalankan tugas dengan baik, turun padang untuk melihat keperluan setiap negeri sekali gus memahami denyut nadi rakyat.

Konvensyen Nasional Kerajaan Perpaduan yang diadakan buat julung kali membuka tirainya dengan Konvensyen Nasional Wanita Kerajaan Perpaduan dan Konvensyen Nasional Pemuda Kerajaan Perpaduan, yang diadakan secara serentak pagi ini.

Kemuncak konvensyen yang bertemakan "MADANI: Mengangkat Agenda Rakyat" ialah amanat yang akan disampaikan Pengerusi Sekretariat Kerajaan Perpaduan iaitu Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, sebelum diakhiri dengan pelancaran Tekad Bersama.

IBU, ENKAULAH SURI HATIKU – NANCY

<https://suarasarawak.my/ibu-engkaulah-suri-hatiku-nancy/>

Sumber : Suara Sarawak



KUCHING: ‘Ibu, engkaulah suri hatiku’ kata Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri dalam video yang dimuat naik ke dalam Facebook miliknya, hari ini.

Nancy dalam video yang sama turut menzahirkan penghargaan kepada semua ibu di luar sana atas sokongan dan pengorbanan yang diberikan sepanjang membesarkan anak-anak.

“Ibu merupakan insan yang sangat istimewa dalam kehidupan kita sehingga menjadi tulang belakang kepada hampir semua individu dalam menempuh kehidupan.

“Tanpa kasih sayang dan pengorbanan mereka, kita tidak akan menjadi siapa dan di mana kita berada pada hari ini.

“Oleh itu, kita ambil kesempatan ini untuk memberikan penghargaan tulus ikhlas kepada semua ibu di luar atas segala sumbangan yang diberikan terhadap keluarga dan masyarakat,” katanya.

Tambah Nancy, dirinya juga sangat menghargai dan menghormati peranan ibu dalam membentuk generasi baharu dan terima kasih kerana telah menjadi inspirasi kepada semua.

“Kita doakan agar semua ibu mendapat rahmat yang Maha Esa,” katanya ringkas sambil menitipkan serangkap pantun kepada para ibu.

“Pengorbananmu tidak terperi, lembut jiwamu menyentuh sanubari, tulus ikhlasmu disanjung tinggi, engkaulah suri hati, tunggak sebuah keluarga harmoni.

Selamat Hari Ibu, Malaysia,” luahnya.

PERSIDANGAN PERKKS PADA 21-22 NOVEMBER SEMPENA SAMBUTAN HKA 2023

<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/persidangan-perkks-pada-2122-november-sempena-sambutan-hka-2023-419361>

Sumber : Astro Awani

PUTRAJAYA: Persidangan Kependudukan Kebangsaan 2023 (PERKKS 23) akan diadakan di sini pada 21 dan 22 Nov depan sempena sambutan Hari Keluarga Antarabangsa (HKA) 2023 dan Hari Penduduk Sedunia 2023 yang akan disambut pada 11 Julai ini.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dalam kenyataan memaklumkan, pelbagai aktiviti dirancang bagi memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai impak trend demografi terhadap institusi keluarga.

Menurut KPWKM, PERKKS 23 dianjurkan kementerian itu melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dengan kerjasama Pusat Pengajian Kependudukan, Universiti Malaya (UM) dan United Nations Population Funds (UNFPA).

"Persidangan yang bertemakan 'Ke Arah Penduduk dan Keluarga Yang Mampan, Membangun Malaysia MADANI' ini amat bertepatan dengan enam tonggak Malaysia MADANI sebagai teras yang memperkukuh kesejahteraan penduduk dan kekeluargaan bagi membangun modal insan yang cemerlang," menurut kenyataan itu.

KPWKM memaklumkan sambutan HKA 2023 wajar diberi perhatian dan dijadikan platform untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai impak trend demografi terhadap institusi keluarga di negara ini.

Menurut KPWKM, perubahan demografi adalah satu daripada trend mega terpenting yang memberi kesan kepada kehidupan dan kesejahteraan keluarga di seluruh dunia.

"Trend demografi kebiasaannya dipengaruhi oleh corak kesuburan dan kematian. Penurunan kesuburan berupaya memberikan faedah kepada keluarga iaitu berpeluang memberikan penjagaan kesihatan dan kemudahan pendidikan lebih baik kepada anak-anak.

"Ini seterusnya dapat membantu pengurangan kadar kemiskinan ke arah pembangunan sosioekonomi negara yang lebih baik. Selain itu, kajian membuktikan bahawa penurunan kesuburan juga meningkatkan penyertaan golongan wanita dalam pasaran buruh," menurut kenyataan itu.

KPWKM memaklumkan penduduk dunia telah mencecah lapan billion pada penghujung 2022 yang menggambarkan kemajuan luar biasa bidang penjagaan kesihatan iaitu dengan pengurangan kadar kematian bayi dan kanak-kanak serta peningkatan jangka hayat penduduk.

Hal ini menjadikan penduduk dunia kekal bertambah secara positif walaupun pada kadar yang semakin perlahan kesan daripada penurunan kadar kesuburan penduduk.

"Situasi yang sama berlaku di Malaysia iaitu penduduk negara telah bertambah daripada 27.5 juta orang pada 2010 kepada 32.4 juta orang pada 2020, dengan kadar pertumbuhan yang perlahan iaitu hanya 1.7 peratus bagi 2010 hingga 2020. Kadar ini adalah lebih rendah berbanding 2.1 peratus bagi tempoh 2000 hingga 2010," menurut kenyataan itu.

Menurut KPWKM, keadaan itu banyak dipengaruhi oleh penurunan kadar kesuburan daripada 2.9 pada 2000 kepada 1.7 orang anak bagi setiap wanita pada 2020, di sebalik peningkatan jangka hayat penduduk daripada 72.2 kepada 75.1 tahun dalam tempoh tersebut. – BERNAMA

PENGASUH ADA KES MAHKAMAH KERANA MENDERA SEKALI LAGI DISYAKI MENDERA BAYI

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/966419/pengasuh-ada-kes-mahkamah-kerana-mendera-sekali-lagi-disyaki-mendera-bayi>

Sumber : Harian Metro

Johor Bahru: Polis menahan seorang wanita dipercayai pengasuh selepas disyaki mendera bayi lelaki berusia tujuh bulan.

Ketua Polis Daerah Johor Bahru Utara, Asisten Komisioner Balveer Singh berkata, wanita tempatan berusia 34 tahun itu ditahan semalam di rumahnya di Taman Universiti, Skudai di sini.

"Susulan satu laporan polis yang dibuat ibu bayi berkenaan, kita menahan suspek yang dipercayai pengasuh kepada mangsa.

"Siasatan awal suspek nafi mendera mangsa. Suspek ditahan untuk siasatan dan dibebaskan dengan jaminan polis.

"Suspek pernah dituduh mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 yang membolehkan penderaan seorang kanak-kanak lain pada 2021 dan kes itu masih dalam proses perbicaraan di mahkamah," katanya menerusi kenyataan media, hari ini.

Beliau berkata, terdahulu, pihaknya menerima laporan dibuat ibu mangsa pada jam 4.30 pagi semalam yang memaklumkan anaknya didera.

Katanya, kelmarin, ibu mangsa bersama suami membawa bayi itu ke Hospital Sultanah Aminah (HSA) di sini, untuk mendapatkan rawatan pada jam 10.15 pagi.

"Hasil pemeriksaan pegawai perubatan mendapati terdapat beberapa kesan lebam di tubuh mangsa. Mangsa kini dalam keadaan stabil dan ditahan di hospital untuk pemerhatian," katanya.

Menurutnya, kes disiasat mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-kanak 2001.

KEBAKARAN RUMAH, BAYI EMPAT BULAN MELECUR DI KEPALA, KAKI

<https://www.utusan.com.my/nasional/2023/05/kebakaran-rumah-bayi-empat-bulan-melecur-di-kepala-kaki/>

Sumber : Utusan



PAPAR: Seorang **bayi** lelaki berusia empat bulan melecur di beberapa bahagian badan dalam kebakaran yang berlaku di Pekan Lama, Kimanis hari ini.

Dalam kejadian kira-kira pukul 9 pagi itu, bayi lelaki dikenali sebagai Raid Syakif melecur di bahagian kepala dan kaki dalam kejadian kebakaran yang memusnahkan sepenuhnya rumah dua tingkat itu.

Jurucakap Pusat Gerakan Operasi Bomba dan Penyelamat (PGO) berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan pada 9.25 pagi dan sepasukan anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Kimanis dengan bantuan anggota dari BBP Papar dikejarkan ke lokasi kejadian.

Sebaik sahaja tiba di lokasi, didapati sebuah rumah dua tingkat jenis tidak kekal terbakar sepenuhnya dalam kejadian itu.

“Terdapat seorang bayi berusia empat bulan di bahagian kepala dan kaki dilaporkan oleh penyelia operasi.

“Mangsa dihantar ke Hospital Papar oleh keluarganya sebelum ketibaan pasukan bomba di lokasi,” katanya dalam satu kenyataan.

Operasi pemadaman menggunakan satu aliran 300 kaki dua pancutan sumber air dari jentera dan pili bomba.

Operasi terkawal pada pukul 9.35 pagi dan tamat sepenuhnya pada pukul 12 tengah hari.- [utusan](https://www.utusan.com.my/nasional/2023/05/kebakaran-rumah-bayi-empat-bulan-melecur-di-kepala-kaki/)

ADIK BERADIK DISYAKI DERA, AMANG SEKSUAL PELAJAR TAHFIZ DITAHAN

<https://www.malaysiakini.com/news/664948>

Sumber : Malaysia Kini



Polis menahan dua lelaki yang merupakan adik-beradik warga Singapura yang dipercayai terlibat dalam kes penderaan dan amang seksual fizikal kanak-kanak pelajar tahfiz di Tanjung Minyak.

Ketua Polis Melaka Datuk Zainol Samah berkata penahanan suspek yang merupakan pengasas pusat tahfiz berusia 40 tahun itu, dan warden asrama berkenaan yang berumur 36 tahun, dibuat susulan enam laporan polis yang diterima.

"Laporan polis dibuat oleh enam pelajar pusat tahfiz terbabit yang berumur 13 hingga 15 tahun di Balai Polis Batang Tiga antara pukul 6.29 petang dan 9.13 malam, semalam. Tangkapan pertama pada pukul 1 tengah hari manakala tangkapan kedua pada 1.30 tengah hari di Pusat Tahfiz Tanjong Minyak hari ini," katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau berkata kejadian berlaku beberapa kali di dua pusat tahfiz iaitu di Tanjung Minyak dan juga Alor Gajah serta di kondominium di Klebang, bagaimanapun kanak-kanak itu tidak dapat mengingati tarikh tepat, namun kali terakhir dikatakan berlaku pada 7 Mei lepas.

Zainol berkata suspek pertama pernah mempunyai rekod lampau atas kesalahan melakukan amang seksual fizikal serta liwat pada tahun 2019, dan permohonan reman terhadap kedua-dua suspek akan dibuat di Kompleks Mahkamah Ayer Keroh esok.

Beliau berkata kes itu disiasat di bawah Seksyen 14(a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 dan Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001.

WANITA SUSPEK AMANG SEKSUAL DIDAKWA ESOK

<https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/05/14/wanita-suspek-amang-seksual-didakwa-esok/>

Sumber : Free Malaysia Today



PETALING JAYA: Seorang wanita yang ditahan sebelum ini susulan kes amang seksual fizikal terhadap anak lelakinya berusia 14 tahun di Puncak Alam, akan didakwa Mahkamah Sesyen Klang, esok.

Ketua Polis Kuala Selangor Ramli Kasa ketika dihubungi mengesahkan perkara itu.

“Kita akan bawa suspek (wanita) untuk dituduh esok,” katanya lapor Berita Harian

Pada 4 Mei lalu, media melaporkan suspek direman selama lima hari bagi membantu siasatan berhubung kes terbabit.

Ramli dilaporkan berkata, suspek berusia 33 tahun direman bagi membolehkan siasatan lanjut dilakukan mengikut Seksyen 14 dan Seksyen 5 Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017.

Katanya, wanita itu ditahan di kediamannya di Puncak Alam selepas polis menerima laporan daripada pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang mendapat maklumat mengenai perbuatan itu menerusi sebuah video yang diperolehi daripada individu tidak dikenali.

Dua hari kemudian, seorang lelaki berusia 35 tahun ditahan selepas dipercayai terbabit menyebarkan video adegan itu.

Suspek lelaki yang menetap di Bandar Sri Damansara itu memiliki dua rekod jenayah iaitu kes pemerasan dan rogol selain telefon bimbitnya dirampas bagi membantu siasatan.

IBU TUNGGAL DIBERHENTIKAN KERJA, BERHUTANG DEMI BESARKAN ANAK

<https://www.utusan.com.my/nasional/2023/05/ibu-tunggal-diberhentikan-kerja-berhutang-demi-besarkan-anak/>

Sumber : Utusan



KLANG: Diberhentikan kerja dan berhutang, demikian pengorbanan seorang [ibu tunggal](#) yang memikul tanggungjawab membesarkan tiga anak termasuk seorang daripadanya menghidap sindrom Cerebral Palsy (CP).

Wanita muda itu, Noor Aisah Gupri, 32, terpaksa menguatkan hati untuk menanggung Dian Sabrina Mohamad Shamsul, 9; Dian Maisarah Mohd. Shamsul, 7, dan Arif Hilman Mohamad Shamsul, 6, dengan pendapatan kurang daripada RM1,500 sebulan.

Menurutnya, dia sebelum ini pernah bekerja sebagai kerani dekat sebuah syarikat pengurup wang dengan pendapatan RM3,000 sebulan, namun diberhentikan pada tahun lalu atas alasan kerap mengambil cuti untuk membawa anaknya menjalani rawatan.

“Dian Maisarah didiagnosis doktor menghidap sindrom Cerebral Palsy (CP) sejak lahir lagi. Jadi dia memerlukan pemerhatian khusus daripada saya termasuk menjalani rawatan setiap bulan di Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR). Disebabkan itu juga saya diberhentikan.

“Anak sulung dan bongsu masih lagi bersekolah dan saya memerlukan wang secukupnya bagi memastikan mereka mampu belajar. Saya terpaksa menanggung semua ini selepas ditinggalkan suami sejak enam tahun lalu,” katanya ketika ditemui di rumahnya di Meru.

Jelasnya, sejak diberhentikan, dia kini bekerja sebagai pembantu gerai jual lauk bersama kakaknya, Liza Gupri, 40, namun mengakui pendapatan hasil perniagaan tersebut tidak mencukupi menyebabkan dia terpaksa mendapatkan daripada pelbagai sumber termasuk berhutang.

Dalam pada itu, Noor Aisah memaklumkan, anak keduanya kini menerima bantuan pampers dan susu khas setiap bulan daripada Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan ini sedikit mengurangkan perbelanjaannya.

“Saya berterima kasih kepada LZS, saya juga dengan rendah hati menerima mana-mana pihak yang ingin tampil membantu ataupun menawarkan pekerjaan lebih baik untuk membesarkan dan memastikan anak mendapat rawatan,” katanya.

Justeru, orang ramai yang ingin memberi sumbangan boleh menyalurkan ke dalam akaun Maybank Noor Aisah bernombor 162731095006. – [UTUSAN](#)

IBU CEKAL JAGA DUA ANAK ISTIMEWA BERUSIA 43 DAN 32 TAHUN

https://www.kosmo.com.my/2023/05/14/ibu-cekal-jaga-dua-anak-istimewa-berusia-43-dan-32-tahun/?utm_source=rss&utm_medium=rss&utm_campaign=ibu-cekal-jaga-dua-anak-istimewa-berusia-43-dan-32-tahun

Sumber : Kosmo



SUNGAI PETANI – Tiada apa yang diharapkan daripada seorang ibu tunggal selain berdoa agar terus diberikan kesihatan terbaik bagi membolehkannya terus menjaga dua anak lelaki yang mengalami masalah terencat akal.

Satariah Ahmad, 66, dari Kampung Tempoyak, Merbok dekat sini berkata, dia cekal untuk bersendirian menjaga dan menguruskan dua anak lelaki istimewanya sejak 43 tahun lalu.

Kata Satariah, dua anak lelakinya iaitu Jamaluddin Abu Hassan, 43, dan Mohd. Shukri, 32, dikesan mengidap penyakit itu sejak kecil sehingga mereka tidak mampu menguruskan diri sendiri.

“Saya tidak seperti ibu lain yang mempunyai banyak masa terluang, sebaliknya perlu membahagikan masa mengikut kesesuaian kerana dua anak kesayangan ini perlukan perhatian sepanjang masa.

“Bagaimanapun, saya sama sekali tidak pernah mengeluh kerana beranggapan dua anak istimewa ini merupakan amanah Allah untuk dijaga sebaik mungkin,” katanya semasa ditemui di rumahnya di Merbok, baru-baru ini.

Menurut Satariah, dia mempunyai dua lagi anak perempuan berusia 50 tahun dan 25 tahun hasil perkahwinan dengan suaminya, namun kedua-dua anaknya tinggal berasingan selepas mendirikan rumah tangga.

“Beban saya tidak seberat 15 tahun lalu kerana ketika itu, suami masih hidup dan dia turut membantu mengurus anak kami.

“Selepas suami meninggal dunia kerana lemas di laut, saya yang terpaksa mengambil tanggungjawab mengurus rumah, menyediakan makan minum anak-anak dan menjaga kebajikan harian mereka,” katanya.

Menurut Satariah, setiap kali keluar membeli barangan rumah atau membeli juadah, dia sentiasa berdoa semoga Allah memelihara dan menjaga dua anak istimewa yang ditinggalkan.

“Saya tidak mengunci pintu ketika meninggalkan mereka kerana bimbang keselamatan jika rumah terbakar atau sebagainya.

“Apa yang mampu saya lakukan ialah berdoa agar keselamatan dua anak saya terpelihara dan dalam masa sama saya diberi kesihatan yang baik untuk mengurus mereka,” katanya.

Kata Satariah, dia bersyukur kerana ketika ini menerima wang bantuan bulanan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di bawah kategori anak cacat selain bantuan zakat bagi menampung kehidupannya.

DIUJI SAKIT SENDI, BEKAS PENGURUS BESAR KINI TERLANTAR

<https://www.sinarharian.com.my/article/258164/edisi/melaka-ns/diuji-sakit-sendi-bekas-pengurus-besar-kini-terlantar>

Sumber : Sinar Harian



SEREMBAN - Hidup seorang ibu tunggal berubah sekelip mata selepas dia diuji dengan penyakit rheumatoid arthritis dan osteoarthritis atau penyakit berkaitan sendi sejak tahun lalu.

Dari seorang yang aktif dan mempunyai kerjaya dengan pendapatan berbelas ribu ringgit, A'fiah Abdul Fadzil, 48, yang dahulunya pernah bekerja sebagai pengurus besar sebuah syarikat kini hanya terlantar sakit di rumah.

Malah hidupnya bersama lima anak yang tiga daripadanya masih belajar semakin tersepit selepas kesemua duit simpanannya telah habis digunakan selain terpaksa menjual tiga kereta.

Menurutnya, pada awalnya dia hanya diserang sakit lutut tetapi semakin bertambah teruk pada Oktober tahun lalu.

"Kedua-dua lutut saya mula membengkak dan ia jadi terlalu sakit menyebabkan saya langsung tak boleh berjalan.

"Dalam tempoh itu juga, saya hanya bergantung dengan ubat tahan sakit dan susut bengkak, sehinggalah jiran saya membantu menghantar ke sebuah hospital swasta di sini dan doktor sahkan saya menghidap penyakit terbabit awal Januari lalu," katanya ketika ditemui di rumahnya di Rasah Kemayan di sini pada Jumaat.

Bagaimanapun katanya, rawatan di hospital itu tidak dapat diteruskan kerana kosnya yang mahal dan dia beralih ke hospital kerajaan.



A'fiah menunjukkan imbasan x-ray keadaan tempurung lututnya.

Jelasnya, doktor mencadangkan dia membuat pembedahan menukar tempurung lutut dengan kos RM70,000, tetapi ia masih dalam pertimbangannya.

"Macam-macam yang saya fikir kerana ia berisiko. Ada juga kawan-kawan yang cadang pergi ke hospital swasta kerana ada rawatan alternatif lain boleh dilakukan selain daripada pembedahan.

"Tapi semuanya memerlukan kos yang tinggi iaitu mencecah puluhan ribu dan saya pula sudah kehabisan wang simpanan," katanya.

Lebih menyedihkan lagi, disebabkan keadaan kesihatan A'fiah, anak keduanya, Mohammad Afzal Adib Razali, 22, memilih untuk berhenti belajar kerana mahu bekerja bagi membantu menyara keluarga sekali gus memudahkannya untuk menguruskan A'fiah ke hospital.



A'fiah yang terlanjar sakit akibat penyakit berkaitan sendi sejak tahun lalu.

Katanya, hidupnya di rumah kini bergantung sepenuhnya dengan Mohammad Afzal dan anak bongsu, Mohammad Ariq Aqil yang berusia 10 tahun selain mengharapkan ihsan kawan, jiran dan saudara mara.

"Dua anak saya inilah yang bantu uruskan makan dan minum serta urusan saya ke bilik air.

"Anak ketiga dan keempat saya pula sedang menyambung pengajian diploma masing-masing di politeknik Kelantan dan sebuah kolej swasta di Melaka, manakala anak sulong perempuan, tinggal dengan bekas suami," katanya.

Oleh sebab itu katanya, dia sangat berharap agar segera sembuh supaya dapat bekerja semula bagi menyara keluarga.

Ujarnya, kehidupannya kini benar-benar sukar dan bayaran ansuran bulanan rumahnya sudah tiga bulan tertunggak serta bil air dan bil elektrik yang mencecah hampir RM8,000.

"Sebelum ini, selama enam bulan ansuran bulanan rumah tertunggak, namun mujurlah pihak masjid dan jiran-jiran membantu.

"Nak tampung hidup, saya sudah jual tiga kereta. Tapi saya bersyukur tinggal di kawasan kejiranan yang penduduknya sangat prihatin. Tapi sampai bila," katanya.

Sementara itu katanya, setiap bulan dia memerlukan sekurang-kurangnya RM5,000 bukan sahaja untuk kos rawatan tetapi juga perbelanjaan harian termasuk membeli lampin pakai buang dan susu khas.

Sepatutnya kata A'fiah, dia perlu makan makanan berkhasiat untuk membantu proses penyembuhannya tetapi dengan keadaan hidupnya sekarang, dia tidak boleh terlalu memilih.

"Jadi saya makan apa yang ada saja dan hanya fikir nak sembuh kerana nak bekerja semula.

"Masalahnya sekarang ini saya nak berjalan pun tak dapat dan nak ikhtiar berubat pun semuanya memerlukan kos sedangkan duit simpanan saya sudah habis digunakan," katanya.

Bagaimanapun katanya, dia reda dengan ketentuan itu, namun mengharapkan keajaiban supaya dapat pulih kerana mengenang anak-anak yang masih perlu ditanggung.

"Isteri Menteri Besar, Exco Hal Ehwal Wanita dan Kebajikan Negeri Sembilan, Baitumal dan Jabatan Kebajikan Masyarakat pun ada turun ziarah baru-baru ini," katanya.

Bagi sesiapa yang berhasrat membantu boleh salurkan sumbangan ke akaun Maybank 162357264911 atas nama A'fiah.

WARGA EMAS DILAPOR HILANG DITEMUI SELAMAT

<https://www.sinarharian.com.my/article/258403/edisi/pahang/warga-emas-dilapor-hilang-ditemui-selamat>

Sumber : Sinar Harian



TEMERLOH - Detik cemas sebuah keluarga apabila bapa mereka dilaporkan hilang di kawasan belakang Kampung Bangau Tanjung di sini berakhir apabila lelaki berusia 62 tahun itu ditemui selamat pada Sabtu.

Pegawai Perhubungan Awam Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Zulfadli Zakaria berkata, pihak bomba menerima panggilan mengenai kejadian itu pada jam 9.44 malam.

Menurutnya, enam anggota bersama seorang pegawai dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Temerloh bersama sebuah jentera dikejarkan tempat kejadian.

"Komander operasi melaporkan terdapat seorang lelaki warga emas telah hilang di kawasan belakang kampung tersebut.

"Pihak bomba mendapat maklumat daripada anak mangsa menyatakan bapanya nyanyuk dan tidak dapat mengenal pasti lokasi dia berada namun boleh dihubungi melalui talian telefon," kata beliau dalam kenyataan pada tengah malam Sabtu.

Ujar beliau, pasukan bomba, 10 anggota polis dan 15 orang awam bersama-sama mencari mangsa di sekitar kawasan terbabit.

"Mangsa akhirnya dijumpai pada jam 10.56 malam dan diserahkan kepada keluarganya," tambah beliau.

'SEMUA KENA BUAT SENDIRI'

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/966225/semua-kena-buat-sendiri>

Sumber : Harian Metro



Kuala Lumpur: Bahan bacaan berbentuk akademik untuk penuntut berstatus orang kurang upaya (OKU) penglihatan di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) hampir tidak wujud melainkan penuntut sendiri mengalihkan ia kepada bentuk Braille.

Pada masa sama, bahan bacaan untuk golongan berkenaan juga amat sedikit yang mana kurang satu peratus daripada bahan rujukan dialih ke tulisan Braille.

Pensyarah Kanan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Ts Dr Shaharil Mad Saad berkata, kekurangan bahan rujukan dalam tulisan Braille itu menyebabkan akses penuntut OKU berkenaan terhadap bahan akademik menjadi terhad.

"Kerana itu, ada penuntut mengalihkan bahan rujukan akademik itu kepada bentuk Braille.

"Hal ini seperti kurang wajar kerana penuntut normal mempunyai akses kepada bahan akademik, namun tidak bagi OKU penglihatan," katanya.

Menurut Shaharil, walaupun jumlah penuntut OKU penglihatan yang menyambung pengajian di IPTA tidak ramai, mereka juga berhak mendapatkan rujukan akademik, sama seperti penuntut lain.

"Berdasarkan rekod, pada 2021, 77 penuntut OKU penglihatan mendaftar di 14 IPTA manakala pada 2020, ia 93 pelajar.

"Sudah pasti mereka memerlukan sumber rujukan akademik sama seperti penuntut normal, jadi saya berpandangan rujukan dalam bentuk Braille wajar diperbanyakkan," katanya.

Difahami, antara faktor menyebabkan bahan akademik dalam bentuk tulisan Braille terhad disebabkan kekurangan pakar yang boleh menerbitkan penulisan atau rujukan dalam bentuk Braille selain kos penghasilannya tinggi.



Pensyarah Kanan Jabatan Psikologi Pendidikan dan Kaunseling, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya (UM) Dr Ahmad Shamsuri Muhamad.

Sementara itu, Pensyarah Kanan Jabatan Psikologi Pendidikan dan Kaunseling, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya (UM) Dr Ahmad Shamsuri Muhamad berpendapat, isu bahan bacaan untuk penuntut OKU penglihatan tidak menjadi masalah kerana mereka ada inisiatif sendiri mengubah bahan bacaan kepada bentuk Braille.

"Namun masalah lain yang perlu jadi tumpuan ialah ketiadaan tenaga pengajar berpengalaman serta kursus yang ditawarkan di universiti tidak mesra OKU.

"Banyak kursus ditawarkan di IPTA namun golongan OKU tidak dapat membuat banyak pilihan kerana IPTA tidak bersedia menerima serta memenuhi keperluan mereka," katanya.

Ahmad Shamsuri berkata, sebahagian besar penuntut OKU penglihatan mengambil aliran sastera berikutan pilihan terhad ditawarkan pihak IPTA.

"Berbeza di negara maju, umpamanya di Jepun, pendedahan dalam jurusan sains dan matematik diberikan sejak sekolah menyebabkan golongan OKU mampu membuat banyak pilihan apabila masuk ke alam universiti," katanya.

Beliau yang juga Pengerusi Unit Braille Media Pertubuhan Orang Cacat Penglihatan Malaysia berkata, teknologi sedia ada di Malaysia setanding negara luar, namun keterbukaan itu masih kurang.

"Sebelum ini, mesin Braille konvensional berat dan sukar dibawa. Namun kini, kita dapat lihat inovasi dalam bidang teknologi apabila wujudnya eBraille yang boleh dimasukkan memori kad sekali gus memudahkan golongan OKU.

"Penggunaan Braille semakin kurang kerana kewujudan e-book, tetapi tulisan Braille diperlukan untuk mengajar dan ketika membuat pembentangan. Golongan ini boleh menggunakan komputer riba, namun jika mereka mendapat akses panel Braille, itu lebih bagus.

"Kepakaran dan kewangan turut diperlukan untuk memberi akses dan menambah lagi bahan bacaan kepada OKU penglihatan," katanya.